

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19 April 2016**

**SOALAN**

DATO' HOH KHAI MUN minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan statistik golongan lelaki yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga serta punca-punca kepada pecah belah keluarga.

## **JAWAPAN**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini. Sesungguhnya sebarang konflik dan cabaran rumah tangga perlu diselesaikan dengan cara berhemah dan bijak tanpa melibatkan keganasan berbentuk fizikal, psikologi, emosi dan mental sama ada kepada suami, isteri dan anak-anak mahupun anggota keluarga yang lain. Keganasan yang berlaku dalam keluarga bukanlah hanya perlakuan salah yang berlaku terhadap kaum wanita sahaja sebagaimana yang lazimnya dianggap atau difahami oleh masyarakat. Walaupun peratusan tinggi mereka yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga adalah golongan wanita, namun ianya juga berlaku ke atas golongan lelaki. Dalam hal ini, ahli keluarga yang melakukan keganasan terhadap ahli keluarga yang lain boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak 11 kes penderaan golongan lelaki telah dilaporkan pada tahun 2013 manakala bagi tahun 2014 pula, sebanyak 35 kes dan 39 kes bagi tahun 2015. Antara faktor utama yang menyebabkan keganasan rumah tangga yang dilaporkan mangsa kepada JKM adalah seperti berikut: 1. Perselisihan faham pasangan suami-isteri mengenai sesuatu hal yang menyentuh perasaan atau menyakitkan hati ; 2. Sikap panas baran pasangan yang mudah melepaskan kemarahan dengan kata-kata kasar, ugutan dan tindakan fizikal ; 3. Kes penagihan dadah yang menyebabkan tiada tanggungjawab terhadap keluarga seperti mencari nafkah, perbelajaan harian, pakaian dan persekolahan anak-anak 4. Masalah kewangan dalam keluarga ; dan 5. Perasaan cemburu terhadap tingkah laku pasangan dengan orang lain. Bagi menangani kes-kes keganasan rumah tangga, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (AKRT) memberikan perlindungan bukan hanya kepada seseorang isteri atau suami tetapi juga anggota keluarga yang lain.

